Jumlah pertama yang **Anda** terpaksa tanggung sendiri bagi setiap tuntutan yang dikemukakan.

Keluarga

Pasangan hidup sah **Anda**, anak-anak **Anda** dan sesiapa yang tinggal tetap dengan **Anda**, selain daripada penghuni atau penumpang yang membayar sewa.

Dana

Dana Takaful Am (Dana) yang dikendalikan oleh **Etika Takaful Berhad**.

Kejadian

Mana-mana peristiwa yang mungkin membawa kepada tuntutan.

Tempoh Takaful

Tempoh Takaful yang ditunjukkan dalam Jadual.

Cadangan dan Pernyataan Fakta

Cadangan yang **Anda** telah tandatangani atau **Pernyataan Fakta** yang mengandungi maklumat **Anda** yang diberikan kepada **Kami** serta apa-apa maklumat lain yang **Anda** atau mana-mana orang yang mewakili **Anda** telah berikan kepada **Kami**.

Takaful Semula

Satu tindakan wajar yang selaras dengan prinsip **Takaful** untuk memperolehi perlindungan **Takaful Semula** terhadap liabiliti bagi risiko yang ditanggung oleh **Pengendali Takaful** semasa menjalankan **Perniagaan Takaful**.

Jumlah Perlindungan

Jumlah yang ditunjukkan dalam Jadual yang merupakan '*Jumlah Maksimum*' yang **Kami** akan bayar untuk mana-mana satu tuntutan di bawah Seksyen 1.

Jumlah Perlindungan hendaklah cukup untuk membiayai kos membina semula **Bangunan** sekiranya ia musnah sepenuhnya dalam satu Kejadian.

Tabarru'

Istilah Bahasa Arab yang bermaksud "*pemberian, hadiah, sumbangan*". Dalam kontrak **Takaful** ia dimaksudkan sebagai "*pemberian untuk menyertai Takaful*".

Takaful

Suatu skim berlandaskan persaudaraan, perpaduan dan saling bantu membantu yang menyediakan bantuan kewangan bersama dan pertolongan kepada Peserta di dalam keadaan keperluan di mana Peserta bersetuju bersama untuk menyumbang dengan tujuan tersebut.

Perniagaan Takaful

Suatu perniagaan berdasarkan konsep Takaful yang mana matlamat serta operasinya tidak terlibat dengan unsur-unsur yang tidak selari dengan Syariah.

Keganasan

Suatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

Tidak Dihuni

Bangunan yang Tidak **Dihuni** atau tidak bercadang untuk dihuni selama tiga puluh (30) hari berturut-turut atau lebih.

Wakalah

Tindakan satu pihak, mencalonkan pihak yang lain untuk bertindak bagi pihaknya. Dalam konteks **Takaful, Etiqa Takaful Berhad** dilantik untuk menguruskan **Dana Takaful Am** bagi pihak Peserta.

Kami, Kita, Pengendali Takaful

Etiqa Takaful Berhad (Company No. 266243-D) 19th Floor, Tower C, Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Anda

Orang atau mana-mana orang yang dinamakan dalam Jadual sebagai '**Peserta**'.

Segala maksud bagi 'Orang' adalah merangkumi manusia, Syarikat, Syarikat Berhad, Perkongsian, Persatuan, mana-mana dua orang atau lebih yang mempunyai satu kecenderungan.

SEKSYEN 1 – KERUGIAN ATAU KEROSAKAN KEPADA BANGUNAN ANDA:

APA YANG DILINDUNGI	<ul style="list-style-type: none">• Yang dilindungi di bawah seksyen ini adalah Bangunan.• '<i>Jumlah Maksimum</i>' yang boleh dibayar di bawah Seksyen ini akibat kerugian atau kerosakan ke atas Bangunan adalah Jumlah Perlindungan yang ditunjukkan dalam Jadual.
APA YANG TIDAK DILINDUNGI	Barangan rumah, barangan peribadi atau lain-lain kandungan dalam Bangunan .
PERKARA-PERKARA YANG DILINDUNGI	<p>Kami akan melindungi Anda jika Bangunan Anda mengalami kerosakan akibat mana-mana yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Kebakaran, petir, halilintar, api bawah tanah.2. Letupan.3. Bangunan yang dihentam oleh:<ul style="list-style-type: none">• pesawat udara atau peranti udara yang lain atau apa-apa yang gugur daripadanya.• kenderaan jalan raya.• haiwan.4. Air terpancut atau limpahan dari mana-mana tangki kekal, peralatan atau paip air rumah tertakluk kepada Ekses RM50 bagi setiap Kejadian.5. Kerosakan ke atas struktur Bangunan disebabkan kecurian atau percubaan mencuri di mana kekerasan telah digunakan bagi memasuki atau keluar dari Bangunan.6. Hurikan, siklon, taufan dan ribut angin tertakluk kepada Ekses RM200 bagi setiap Kejadian.7. Gempa bumi, letupan gunung berapi tertakluk kepada Ekses RM200 bagi se iap Kejadian.8. Banjir tertakluk kepada Ekses RM200 bagi setiap Kejadian.
PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DILINDUNGI	<ol style="list-style-type: none">1. Membakar, penghangusan atau peleburan.2. Sebarang perbuatan yang berbentuk keganasan.3. Kerosakan yang disebabkan oleh:<ul style="list-style-type: none">• kenderaan atau haiwan kepunyaan Anda atau Keluarga Anda.• haiwan peliharaan, burung atau haiwan kesayangan.4. Kerosakan:<ul style="list-style-type: none">• apabila Rumah Anda tidak dihuni.• kepada tangki air, kelengkapan atau paip.• disebabkan Kejadian beransur-ansur.5. Kecurian atau cubaan mencuri:<ul style="list-style-type: none">• oleh Anda atau ahli Keluarga Anda.• semasa Rumah Anda Tidak dihuni.6. Kerosakan:<ul style="list-style-type: none">• kepada Bangunan semasa pembinaan.• kepada pintu pagar dan pagar.7. Kerosakan:<ul style="list-style-type: none">• disebabkan oleh kemendapan tanah, pergerakan tanah atau kelongsoran tanah.

SEKSYEN 2 – KERUGIAN SEWA

APA YANG DILINDUNGI	<p>Sekiranya Bangunan mengalami kerosakan akibat oleh perkara-perkara tersebut di bawah Seksyen 1, Kami akan membayar kepada Anda untuk tempoh yang Anda tidak boleh didiami sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none">• Sebagai Pemunya, sewa yang sepatutnya Anda terima; atau• Sebagai Penetap, perbelanjaan munasabah bagi mendapatkan kediaman alternatif untuk Anda dan Keluarga. <p>'<i>Jumlah Maksimum</i>' yang boleh dibayar di bawah Seksyen ini sebagai tambahan kepada Jumlah yang Dibayar di bawah Seksyen 1 bagi mana-mana satu Tempoh Takaful adalah 10% dari Jumlah Perlindungan.</p>
APA YANG TIDAK DILINDUNGI	<p>Kami tidak akan membayar sekiranya kerugian sewa disebabkan oleh kerosakan ke atas Bangunan yang tidak termasuk di dalam perkara-perkara tersebut di bawah Seksyen 1.</p>

SEKSYEN 3 – LIABILITI KEPADA PIHAK KETIGA

APA YANG DILINDUNGI

Kami akan membayar jumlah yang **Anda** bertanggungjawab membayar di sisi undang-undang kepada Pihak Ketiga sebagai Pemilik **Bangunan** akibat kemalangan disebabkan kecacatan **Bangunan** (termasuk kos dan perbelanjaan penuntut) untuk:

- (a) Kematian atau kecederaan tubuh badan terhadap mana- mana orang.
- (b) Kerosakan ke atas harta-benda.

Perlindungan untuk Mendapat Wakil Perundangan Peribadi:

Sekiranya **Anda** meninggal dunia, perlindungan di bawah Seksyen ini akan ditawarkan kepada wakil perundangan peribadi **Anda**.

'Jumlah Maksimum' yang Dibayar di bawah Seksyen ini:

'Jumlah Maksimum' yang dibayar di bawah Seksyen ini bagi mana-mana satu tuntutan, atau rangkaian tuntutan berkaitan dengan satu **Kejadian**, dalam mana-mana satu **Tempoh Takaful** adalah RM50,000.00.

PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DILINDUNGI

Kami tidak akan membayar tuntutan-tuntutan berikut:

- Kecederaan kepada **Anda** atau ahli **Keluarga Anda**.
- Kecederaan kepada sesiapa yang **Anda** gajikan mengikut kontrak kerja atau prantisan yang tercedera semasa menjalankan tugas.
- Kerosakan ke atas harta yang dipunyai oleh atau disewakan, disewajangi, dipinjamkan atau diamanahkan kepada **Anda**.
- Kecederaan atau kerosakan akibat kekotoran atau pencemaran oleh bahan-bahan semulajadi atau ciptaan manusia, tenaga (seperti radiasi) atau organisma atau mana-mana kombinasinya, sekiranya pengotoran atau pencemaran itu:
 - adalah akibat perbuatan yang disengajakan;
 - boleh dijangkakan atau seharusnya boleh dijangkakan;
 - berlaku sebelum bermulanya **Tempoh Takaful**;
 - tidak dilaporkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tamatnya **Tempoh Takaful** dalam mana ianya berlaku; atau
 - ianya akibat sebarang tindakan jenayah atau tindakan yang disengajakan oleh **Anda** atau **Keluarga Anda**.
- Mana-mana liabiliti yang **Anda** tanggung di bawah Kontrak, kecuali liabiliti **Anda** tetap bertanggung walaupun tanpa Kontrak.

SYARAT-SYARAT SIJIL:

ASAS KONTRAK

1. **Anda** telah mengisi **Borang Cadangan** dan menandatangani akuan atau memberi maklumat dalam **Pernyataan Fakta** dan bersetuju maklumat yang diberikan adalah benar.

SEBAGAI BALASAN ke atas Sumbangan **Takaful** yang **Anda** telah bayar seperti yang tercatat dalam Jadual, kepada **Dana Takaful Am (Dana)** berdasarkan niat *tabarru'*, SKIM ini akan memberi perlindungan **Takaful** kepada **Anda** terhadap kerugian, kerosakan atau liabiliti seperti diuraikan di dalam Sijil ini yang berlaku dalam **Tempoh Takaful** tertakluk kepada Terma-Terma, Syarat-Syarat serta Pengendorsan Sijil ini.

Kontrak **Takaful** ini terdiri daripada **Cadangan** dan akuan atau **Pernyataan Fakta**, Sijil dan Jadual ini. **Takaful** ini tidak sah dan **Anda** tidak boleh membuat tuntutan sekiranya:

- Mana-mana maklumat yang **Anda** berikan kepada **Kami** tidak benar dan tidak tepat.
- **Anda** tidak mematuhi mana-mana syarat Sijil ini.

PENGUBAHSUAIAN / PERUBAHAN

2. **Anda** mes i memberitahu **Kami** secara bertulis berkenaan apa-apa pengubahsuaian /perubahan yang mungkin berkaitan dengan **Takaful** ini. Sekiranya **Anda** tidak memberitahu **Kami** berkenaan apa-apa pengubahsuaian /perubahan kepada '**Fakta Material**', **Takaful** ini akan menjadi tidak sah.

('Fakta Material' adalah fakta yang boleh mempengaruhi keputusan **Kami** untuk melindungi **Anda**, atau menetapkan syarat-syarat **Takaful**. Sekiranya **Anda** kurang pasti sama ada sesuatu maklumat itu merupakan '**Fakta Material**' atau tidak, sila rujuk kepada **Kami**)

Secara khususnya, **Anda** mes i memberitahu **Kami**:

- Sekiranya **Bangunan** digunakan untuk perniagaan, membuat, meletakkan atau menyimpan barangan dagangan.
- Jika **Anda** atau **Keluarga Anda** pernah disabit kesalahan atau didakwa (selain daripada kesalahan lalu lintas).
- Apa-apa pengubahsuaian /perubahan kepada **Bangunan** yang akan menaikkan kos pembinaan semula.
- Berkaitan dengan mana-mana orang, selain dari **Keluarga Anda** yang akan mendiami **Bangunan** secara tetap.
- Sekiranya **Anda** meninggalkan **Bangunan** dengan **Tidak Menghuninya** lebih dari tiga puluh (30) hari berturut-turut.

Sila ambil perhatian bahawa kegagalan pihak **Anda** untuk memberitahu **Kami** berkenaan dengan pengubahsuaian / perubahan terhadap '**Fakta Material**' mungkin menjejaskan keputusan **Kami** bagi menunaikan sebarang tuntutan yang **Anda** kemukakan.

TANGGUNGJAWAB ANDA	3.	<p>Anda hendaklah mengambil tindakan yang munasabah bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menentukan Bangunan diselenggarakan dengan baik. • Mengelak atau menghadkan sebarang kerugian, kerosakan atau kecederaan.
PENAMATAN SIJIL	4.	<p>Kami boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa sekiranya Kami menghantar notis <u>tujuh (7) hari</u> secara bertulis kepada alamat terakhir Anda yang Kami ketahui. Jika Anda tidak membuat tuntutan dalam Tempoh Takaful, Anda berhak mendapat kembali Sumbangan Takaful Anda bagi baki Tempoh Takaful tersebut.</p> <p>Jika Anda yang membatalkan Sijil ini, Kami akan kembalikan Sumbangan Takaful yang Anda telah bayar setelah ditolak satu jumlah bagi tempoh Anda dilindungi dan yuran pembatalan sebanyak 25% dengan syarat Anda tidak membuat apa-apa tuntutan dalam tempoh tersebut.</p>
LAIN-LAIN TAKAFUL / INSURANS	5.	<p>Jika Anda mempunyai Takaful atau Insurans lain yang juga melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, Kami akan hanya membayar bahagian purata Kami dari mana-mana tuntutan berkenaan.</p>
TUNTUTAN PALSU	6.	<p>Kami tidak akan membayar sebarang tuntutan yang mengandungi sebarang unsur pemalsuan atau berlebihan, atau Anda atau mana-mana orang yang berindak bagi pihak Anda menggunakan cara-cara pemalsuan bagi mendapat Manfaat di bawah Takaful ini.</p>
BAGAIMANA MEMBUAT TUNTUTAN	7.	<p>Jika Anda ingin membuat tuntutan, Anda perlu segera melakukan perkara-perkara berikut:</p> <p>If You want to make a claim You must do the following as soon as possible:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hubungi Jabatan Tuntutan Kami di talian 03-2297 3999 bagi melaporkan Kejadian dan mendapatkan Borang Pemberitahuan Kerugian. 2. Simpan mana-mana barang yang rosak supaya dapat Kami memeriksanya. 3. Laporkan kepada pihak polis dengan seberapa segera jika Anda mengesyaki kecurian atau kerosakan yang berniat jahat. 4. Lengkapkan Borang Pemberitahuan Kerugian dan kembalikannya bersama semua dokumen dan buki yang Kami pinta dalam tempoh <u>tiga puluh (30) hari</u> selepas Kejadian. 5. Hantarkan kepada Kami dengan segera, sebarang tuntutan bertulis yang dibuat terhadap Anda, dan juga berikan maklumat terperinci tentang sebarang tuntutan lisan yang dibuat terhadap Anda. 6. Mengambil tindakan munasabah bagi melindungi Bangunan Anda daripada terus mengalami kerugian atau kerosakan. <p>Anda dilarang melakukan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengaku atau menyangkal sebarang tanggungjawab ke atas mana-mana Kejadian. • Berunding atau menyelesaikan mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap Anda oleh mana-mana pihak kecuali Kami memberikan kebenaran bertulis kepada Anda. <p>Kami akan memutuskan sama ada untuk berunding, membela atau menyelesaikan, atas nama Anda dan bagi pihak Anda, ke atas mana-mana tuntutan yang dibuat terhadap Anda.</p>
BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA	8.	<p>Mana-mana tuntutan bagi kerugian atau kerosakan yang disebabkan perkara-perkara yang dilindungi di bawah Seksyen 1 akan diselesaikan atas budibicara Kami sama ada secara:</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Membayar kepada Anda perbelanjaan yang munasabah untuk membina semula atau membaikpulih Bangunan, sekiranya ia telah dilakukan; atau 4. Membayar Anda yang mana terendah di antara susutan nilai Bangunan dan anggaran perbelanjaan untuk membaikpulih Bangunan sekiranya Bangunan tidak dibina semula atau dibaikpulih. <p>'<i>Jumlah Maksimum</i>' yang Kami akan bayar tidak akan melebihi Jumlah Perlindungan yang tercatat dalam Jadual dengan syarat Anda membayar Ekses seper i yang disebut dalam Sijil.</p> <p>Jika semasa berlaku kerugian, Jumlah Perlindungan yang tercatat dalam Jadual didapati lebih rendah daripada kos membina semula Bangunan, Kami boleh membayar hanya sebahagian daripada tuntutan.</p> <p>Umpamanya, sekiranya Jumlah Perlindungan hanya merupakan 80% daripada kos membina semula Bangunan, Kami hanya boleh membayar 80% tuntutan Anda.</p> <p>Sila lihat Syarat 1 'Asas Kontrak' di muka surat 6. Sekiranya Anda tidak berusaha untuk membuat anggaran Jumlah Perlindungan yang munasabah, dan jumlah yang terca it dalam Jadual jauh lebih rendah daripada nilai sebenar, Kami boleh menganggap bahawa keterangan yang Anda beri kepada Kami tidak benar dan tidak tepat. Dalam keadaan demikian, Takaful ini tidak sah dan tuntutan Anda boleh ditolak.</p>
PENGECUALIAN AM (Diterima pakai untuk Keseluruhan Sijil)	9.	<p>(a) Takaful ini tidak memberi perlindungan terhadap kerugian, kerosakan, kecederaan, liabiliti di sisi undang-undang sama ada secara langsung atau tidak akibat daripada atau disebabkan oleh perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (i) Bangunan dirosakkan atau dirobohkan atas arahan Kerajaan. (ii) Penanggalan Ataman (iii) Tekanan gelombang daripada pesawat udara dan peranti udara lain yang bergerak dengan kepantasan bunyi atau lebih. (iv) Pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan baker nuklear atau daripada sisa nuklear dari pembakaran bahan api nuklear.

- (v) Radioaktif, keracunan, letupan atau lain-lain sifat merbahaya sebarang peralatan nuklear atau bahagian nuklear peralatan tersebut.
- (vi) Peperangan, penyerangan, pemberontakan atau **Kejadian** yang serupa.
- (vii) Sebarang bentuk **keganasan**.
- (b) Melainkan kerugian sewa yang dilindungi di bawah Seksyen 3, **Takaful** ini tidak memberi perlindungan terhadap apa-apa jenis kerugian sampingan yang timbul (iaitu apa-apa kerugian sampingan yang timbul, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada kerugian yang diperindungi di bawah **Takaful** ini).
- (c) **Takaful** ini tidak memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan yang berlaku secara beransur-ansur dalam jangka masa yang panjang.
- PENYELESAIAN PERSELISIHAN**
10. **Anda dan Kami** bersetuju bahawa:
- (a) Apa-apa perselisihan berkaitan dengan Sijil ini yang melibatkan jumlah tidak melebihi **RM100,000.00** akan dirujuk kepada "Pengantara, Divisyen Takaful di Biro Pengantara Kewangan (FMB)" untuk diselesaikan.
- (b) Sekiranya **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan FMB atau jika **Anda dan Kami** tidak bersetuju dalam perkara berkaitan dengan Sijil ini yang melibatkan jumlah melebihi **RM100,000.00**, seorang Penimbangtara akan dilantik oleh **Anda dan Kami** secara bertulis bagi menyelesaikan perselisihan ini. Jika **Anda dan Kami** tidak dapat bersetuju dengan perlantikan Penimbangtara tunggal dalam masa sebulan, maka **Anda dan Kami** boleh melantik seorang Penimbangtara bagi pihak masing-masing. Kedua-dua Penimbangtara tersebut akan mendengar perselisihan berkenaan bersama-sama dengan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh mereka.
- PERKONGSIAN LEBIHAN**
11. Lebihan ditentukan pada setiap penghujung tahun kewangan **Kami** setelah potongan dibuat bagi upah **wakalah**, bayaran Manfaat **Takaful**, **Takaful Semula** dan peruntukan rizab mengikut dasar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa. **Anda** layak menerima sebahagian daripada 50% Lebihan yang diperuntukkan kepada Peserta-Peserta selepas tarikh tamat **Tempoh Takaful** dengan syarat Sijil ini tidak dibatalkan atau **Anda** tidak membuat sebarang tuntutan atau menerima **Manfaat Takaful** sebelum tarikh tamat perlindungan.

PENGENDORSAN / FASAL (Diterima pakai hanya jika dinyatakan secara khusus dalam Jadual)

- C06A PENERIMA GADAIJANJI (PEMEGANG GADAIAN)**
 Mana-mana tuntutan yang diselesaikan secara tunai akan dibayar kepada Penerima Gadaijanji (Pemegang Gadaian) yang dinamakan dalam Jadual selagi mereka mempunyai kepentingan kewangan terhadap Bangunan semasa berlakunya kerugian. Perlindungan Takaful terhadap kepentingan Penerima Gadaijanji (Pemegang Gadaian) tidak akan terjejas walaupun Pemberi Gadaijanji (Penggadai) gagal mematuhi syarat-syarat Sijil ini asalkan kegagalan itu disebabkan oleh keadaan di luar kawalan Pemegang Gadaijanji (Pemegang Gadaian). Penerima Gadaijanji (Pemegang Gadaian) dikehendaki memberitahu Kami sebarang peningkatan risiko yang mereka ketahui dan membayar Sumbangan Takaful tambahan yang dikenakan.
- E008 FASAL PERLINDUNGAN TAMBAHAN UNTUK KEROSAKAN AKIBAT RUSUHAN, MOGOK DAN NIAT JAHAT**
 Jika **Anda** membayar Sumbangan **Takaful** tambahan, **Takaful** ini akan memberi perlindungan tambahan jika **Bangunan** mengalami kerosakan akibat:
- (a) Perbuatan sengaja oleh mana-mana pemogok atau pekerja yang disekat-masuk untuk meneruskan pemogokan atau menentang penyekatan masuk;
- (b) Perbuatan mana-mana orang yang mengambil bahagian bersama orang yang lain bagi mengancam ketenteraman awam (sama ada berkaitan dengan mogok atau sekat-masuk atau tidak);
- (c) Perbuatan oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah dalam menghalang atau cuba menghalang mana-mana kekacauan sedemikian atau dalam mengurangkan akibat daripada kekacauan tersebut.
- (d) Perbuatan niat jahat oleh mana-mana orang.
- Perlindungan tambahan ini tidak meliputi:
- Perang atau lain-lain indakan musuh luar negara (sama ada peperangan di isytiharkan atau tidak);
 - Pemberontakan, penderhakaan atau gangguan awam yang mengakibatkan rusuhan;
 - Tindakan pengganas;
 - Kerosakan yang dilakukan oleh **Anda, Keluarga Anda** atau orang-orang yang dibenarkan berada di dalam **Bangunan**.
- C015 FASAL PEMBAHARUAN AUTOMATIK**
 Sijil ini akan diperbaharui secara automatik apabila tamat tempohnya dan Sumbangan adalah dimestikan kecuali *Penerima Gadaijanji* menulis kepada **Kami** untuk sebaliknya.

JADUAL

SILA LEKATKAN JADUAL DI SINI

NOTIS PENTING

Biro Pengantaraan Kewangan (FMB) dan Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) BNM memberikan peluang kepada ahli di kalangan orang ramai untuk membetulkan amalan pasaran yang tidak adil.

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA FMB

Mana-mana Peserta yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak pengurusan kanan sesebuah Pengendali Takaful boleh menulis kepada Pengantara Divisyen Insurans di Biro Pengantara Kewangan (FMB), dengan memberikan butiran tentang perselisihan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil.

Salinan surat-menyurat antara Peserta dengan Pengendali Takaful boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Jika Pengantara membuat cadangan pampasan terhadap Pengendali Takaful dikehendaki memberitahu Pengantara sama ada dia menerima cadangan tersebut, dalam tempoh empat belas (14) hari, agar Pengendali Takaful boleh diberitahu tentang keputusan Peserta.

FMB tidak menjalankan prosedur rayuan. Jika Peserta tidak mahu menerima pampasan tersebut, dia boleh menolak keputusan Pengantara dan bebas memulakan prosiding Mahkamah terhadap Pengendali Takaful atau merujuk kepada Penimbangtara.

FMB tidak bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran berikut keputusan Pengantara. Pengendali Takaful apabila dimaklumkan tentang penerimaan pampasan tersebut, hendaklah membayar jumlah tersebut terus kepada pihak yang menuntut dalam masa tiga puluh (30) hari.

Pada masa ini, FMB tidak mengenakan apa-apa yuran atau bayaran bagi khidmat yang diberikan.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

BIRO PENGANTARAAN KEWANGAN (FMB)

Tingkat 25, No. 4

Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 2272 2811

Faks : 03 - 2274 5752

Laman web : www.fmb.org.my

PROSEDUR MEMBUAT ADUAN KEPADA CSB

Mana-mana Peserta atau pihak menuntut yang tidak berpuas hati dengan pengendalian Pengendali Takaful boleh menulis kepada CSB dengan memberikan butiran tentang aduan, nama Pengendali Takaful dan nombor Sijil atau nombor tuntutan.

Salinan surat-menyurat (jika ada) antara Peserta atau pihak menuntut dengan Pengendali Takaful juga boleh disertakan untuk memudahkan kerja mencari fail kes yang disimpan oleh Pengendali Takaful.

Alamat surat-menyurat adalah seperti yang berikut:

PenGARA

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bank Negara Malaysia (BNM)

Tingkat 14B

Peti Surat 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel : 03 – 2698 8044

Faks : 03 – 2693 6919

USAHA KAMI DALAM MENGEKALKAN TAHAP PERKHIDMATAN YANG TERBAIK

Kami sedia melakukan apa jua bagi memastikan anda menerima perkhidmatan yang terbaik dari kami. Jika Anda dapati perkhidmatan Kami kurang memuaskan, sila kemukakan pendapat Anda kepada Ketua Pusat Cadangan Kami yang akan memastikan cadangan Anda dilayani dengan secepat mungkin.

Alamat Kami:

Ketua Pusat Cadangan, Tingkat 4, Tower C, Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur.

Atau hantarkan melalui faksimili ke: 03-2710 2463

PROVISO AM

Perkongsian Maklumat Di Antara Kumpulan Maybank

Peserta membenarkan semua maklumat yang telah diberi kepada Pengendali Takaful, digunakan oleh Kumpulan Maybank bagi tujuan menawarkan perkhidmatan kewangan.